

Gotong-Royong Pemindahan makmal JSG Bertam ke Permatang Pauh

Disediakan oleh: Mohd Haris Ridzuan Ooi Bin Abdullah

Warga JSG sekali lagi menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi apabila sama-sama bergotong royong untuk memindahkan peralatan makmal Fizik dan Kimia dari Kampus Bertam ke Kampus Permatang Pauh pada 23 Ogos 2019. Aktiviti ini dijalankan rentetan daripada pemindahan program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) dari Kampus Bertam ke Kampus Permatang Pauh mulai semester September 2019.



Seramai 17 orang staf akademik dan 3 orang staf pelaksana JSG telah melibatkan diri dalam aktiviti ini. Selain dari warga JSG, aktiviti ini turut disertai oleh seorang staf dan sebuah lori daripada Unit Kenderaan, UiTM Kampus Permatang Pauh. Berkat usaha dan semangat kerja berpasukan yang tinggi, aktiviti yang bermula seawal 8 pagi ini berjaya disempurnakan pada pukul 3 petang. Tahniah kepada semua warga JSG! Bak kata pepatah "bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat".

